

# Pilihanraya kecil kawasan Usukan sepatutnya tidak diadakan — PM

KUALA LUMPUR 31 Jan. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berpendapat pilihanraya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Usukan sepatutnya tidak diadakan.

Perdana Menteri berkata Presiden USNO, Tun Datu Mustapha Datu Harun, yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan itu, masih dalam Barisan Nasional walaupun setelah menyertai UMNO.

Beliau berkata sekiranya diadakan pilihanraya kecil ia ialah satu pembaziran.

"Pada pendapat saya ini satu pembaziran kerana undang - undang menentukan perkara ini. Sebenarnya dia bukan tukar parti... parti induk dua sama juga ... dia calon Barisan Nasional (BN)," katanya kepada pemberita ketika ditemui

di Bangunan Parlimen, di sini.

Tun Datu Mustapha semalam mengumumkan beliau telah menyertai UMNO, dan mengikut Perlembagaan Negeri Sabah, beliau secara automatik gugur daripada menjadi anggota Dewan Undangan Negeri.

Perdana Menteri berkata: "Jadi sepatutnya, walaupun dia (Tun Datu Mustapha) meninggalkan USNO — dia masih dalam BN, dan dia tidak bertanding sebagai calon USNO semasa pilihanraya Negeri Sabah dahulu tetapi sebaliknya sebagai calon BN."

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata oleh itu Tun Datu Mustapha mewakili BN seperti beliau (Dato' Sri Dr. Mahathir) daripada UMNO tetapi bertanding mewakili BN.

"Oleh itu pada pendapat saya tidak perlulah kiranya dia gugur sebagai wakil rakyat," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau akan mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Sabah supaya Perlembagaan Negeri Sabah mengenai perkara itu dipinda, Perdana Menteri berkata: "Kalau pinda lebih baiklah... lebih jelas, tapi kalau tak pinda pun Tun Datu Mustapha sebenarnya bukan tukar parti."

Perdana Menteri menjelaskan sekiranya wakil rakyat daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) yang memasuki UMNO, maka pilihanraya kecil perlu diadakan kerana mereka bertanding semasa pilihanraya sebagai calon PBS.

Apabila ditanya sama ada BN akan membawa perkara berhubung pilihanraya kecil itu ke mahkamah, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata: "Kita belum buat apa-apa keputusan berkenaan dengan perkara ini."

Perdana Menteri, yang menyambut baik kemasukan Tun Datu Mustapha ke dalam UMNO, berkata Tun Datu Mustapha akan bertanding semula sebagai calon UMNO di kawasan Dewan Undangan Negeri Usukan sekiranya diperlukan.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata beliau akan ke Sabah pada 21 Februari ini untuk merasmikan penubuhan UMNO Sabah, sambil menambah bahawa Ketua Perhubungan UMNO Negeri Sabah akan ditentukan selepas perjumpaan dengan penaja UMNO Sabah. — Bernama.